

# 3.1



## **PERATURAN BERPAKAIAN MASA BERTUGAS BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN**

## PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1/1993

### PERATURAN BERPAKAIAN MASA BERTUGAS BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

Pegawai Pengurusan Tertinggi, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pegawai Kumpulan Sokongan, serta Semua Anggota.

#### Anggota Lelaki:

- i) 'Lounge Suit' atau 'bush-jacket' dengan bahan kain yang sesuai; atau seluar panjang dengan baju kemeja dan bertali leher; dan jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah janggan dilipat.
- ii) Pakaian baju Melayu lengkap dengan bersamping, atau pakaian baju yang mirip dengan potongan baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang.
- iii) Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya sahaja. Selipar, kasut getah, dan kasut sukan tidak boleh dipakai.

#### Anggota Perempuan:

- i) Pakaian yang dipakai hendaklah jenis yang longgar serta menutup aurat, iaitu seluruh tubuh badan dilindungi oleh pakaian kecuali bahagian muka dan dua tapak tangan hingga ke pergelangan tangan. Pakaian ini juga hendaklah:-
  - a) Tidak merupakan bentuk perhiasan kecantikan.
  - b) Tidak jarang kainnya.
  - c) Lebar dan tidak sempit sehingga menampakkan bentuk badan.
  - d) Tidak berbau wangi-wangian.
  - e) Tidak menyerupai pakaian lelaki.
  - f) Tidak merupakan pakaian menjolok mata.
  - g) Tidak merupakan pakaian yang aneh yang boleh menarik perhatian orang ramai serta bukan untuk bermegah-megah.
- ii) Bagi anggota yang tidak beragama Islam, pakaian kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sopan dan sesuai dipakai untuk bekerja. Pakaian jenis skirt hendaklah labuh melindungi lutut.